

# Undang-undang baru lindungi saksi tidak perlu — Majlis Peguam

UM 18 APR 2001

KUALA LUMPUR 17 April — Majlis Peguam berpendapat kerajaan tidak perlu merangka undang-undang baru untuk melindungi saksi dalam kes-kes jenayah kerana perkara itu telah termaktub di dalam Akta Penculikan Jenayah Intimidasi Ke Atas Saksi-Saksi 1947 (Pindaan 1977).

Presidennya, Mah Weng Kwai berkata, Seksyen 5 akta itu memperuntukkan sesiapa yang melakukan perlakuan jenayah dengan niat menghalang proses keadilan boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan juga denda.

Katanya, keadilan adalah terhalang apabila individu yang diperlukan untuk memberi keterangan, pengakuan, kenyataan atau maklumat untuk sebarang prosiding jenayah enggan berbuat demikian atau memberi atau mereka-reka pengakuan.

“Mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan sesiapa yang didapati bersalah menakutkan secara jenayah boleh dikenakan hukuman penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Sehubungan itu, kata Mah, penyelesaian masalah tersebut bukan berpunca daripada proses kehakiman tetapi pihak polis yang menjalankan siasatan.

Katanya, polis mesti menjalankan siasatan yang terperinci dan menentukan pihak yang bersalah didakwa di mahkamah.

Beliau berkata, adalah tidak adil bagi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendakwa banyak rakyat negara ini tidak mahu terlibat sebagai saksi di mahkamah kerana bimbang ‘didera’ secara kasar atau dikenakan tuduhan tertentu di mahkamah.

## Tempat berhujah

Katanya, sifat mahkamah yang menjadi tempat berhujah, peguam dalam kes-kes jenayah berhak menyoal balas saksi sama ada mereka saksi utama atau tidak.

Mah berkata, objektif soal balas ialah menguji ketepatan dan kesahihan keterangan saksi dan menentukan kredibiliti mereka.

“Majlis bersetuju peguam tidak boleh mengganggu saksi di mahkamah dan perbuatan sedemikian menyebabkan mereka bersalah di bawah Peraturan Profesion Guaman (Amalan dan Etika) 1978.

“Lagipun, mengikut Seksyen 151 Akta Keterangan 1950, peguam tidak boleh bertanya soalan yang melampau dan sumbang,” tambahnya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas cadangan Dr. Mahathir semalam yang kerajaan bersetuju mengkaji undang-undang bagi melindungi mereka yang menjadi saksi dalam usaha menggalakkan orang ramai tampil memberi keterangan.

Katanya, cadangan itu membolehkan saksi diberi perlindungan daripada sebarang ancaman atau dikenakan tindakan undang-undang.

Dr. Mahathir menambah, keengganan orang ramai tampil menjadi saksi disebabkan bimbang akan ‘didera’ atau dikenakan tuduhan tertentu di mahkamah.

Mah berkata, orang ramai enggan tampil menjadi saksi mungkin kerana mereka berasa urusan membuat laporan polis dan mengambil keterangan yang lama sebagai membosankan.

Katanya, jika polis mengamalkan pendekatan ‘lebih mesra rakyat’ dalam soal ini dan memendekkan prosedur berkaitan akan menggalakkan orang ramai tampil sebagai saksi.

“Majlis berpendapat pada akhirnya, rakyat Malaysia perlu diberi pendidikan berkaitan kesedaran sivik dan diingatkan tentang tugas mereka sebagai individu dalam masyarakat,” jelasnya.